



Headline	Ikat perut demi tunai haji sekeluarga		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Jul 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	19	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	402 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,836
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,509



Ikat perut demi tunai haji sekeluarga



Sepang: Impian saya untuk membawa isteri dan anak ke Tanah Suci untuk mengerjakan haji dimakbulkan Allah SWT.

"Alhamdulillah, saya mendaftar haji untuk keluarga pada 2008 dan menerima tawaran pada Januari lalu," kata pesara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Azhar Othman, 32.

Bellau yang berasal dari Kampung Kuala Sungai Baru, Melaka, berkata, dia dan isteri, Zulaida Mohamad Said, 33, memang bermasalah dari awal untuk mendaftar nama anak mereka dengan Lembaga Tabung Haji (LTH).

"Tiga daripada empat anak saya ialah Nurul Afiqah, 27, Muhammad Amirul Syahmi, 26, dan Nurul Syahirah, 19, terpilih menjadi tetamu Allah."

"Manakala anak bongsu, Nurul Iman Qaisarah, 8, tidak dapat ikut kerana belum cukup umur."

"Bagaimanapun, antara empat anak saya cuma Nurul Iman yang sudah mencukupi simpanan dalam LTH kerika itu," katanya ketika ditemui di Kompleks LTH di sini, semalam.

Mereka antara 483 jemaah yang terpilih menjadi tetamu Allah sempena Musim Haji 1440H 2019M.

Jemahah berkenaan berlepas menerusi penerbangan KT10 (XY 5662) dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke Madinah, jam 2.30 petang semalam dan dijangka tiba jam 6 petang (waktu Arab Saudi).

Azhar berkata, dia dan keluarga membuat persediaan awal termasuk mengikuti kursus haji sejak 2017.

"Setiap bulan saya membuat potongan gaji RM500 untuk menyimpan dalam LTH walaupun

“Saya kena disiplin terutama soal menyimpan duit kerana kalau kita selalu ber alasan sampai bila hajat nak ke Tanah Suci tidak kesampaian”

Azhar



AZHAR dan keluarga memerlukan segala persediaan dibuat sebelum berangkat ke Tanah Suci.

terpaksa mengikat perut.

"Saya kena disiplin terutama soal menyimpan duit kerana kalau kita selalu ber alasan sampai bila hajat nak ke Tanah Suci tidak kesampaian."

"Insya Allah, saya percaya rezeki ada di mana-mana dan tidak salah alamat"

selkiranya kita ikhlas," katanya.

Sementara itu, Zulaida berkata, dia berdoa semoga segala urusan dan ibadat dipermudahkan sepanjang mereka berada di sana.

"Satu rahmat apabila terpilih mengerjakan haji bersama suami dan

anak-anak. Kami akan menggunakan peluang yang ada ini untuk melakukan amalan sebanyak mungkin."

"Mudah-mudahan Allah SWT merahmati kami sekeluarga dan akan darang lagi ke sini bersama anak bongsu," katanya yang juga suri rumah sepenuh masa.